



Prof Daing Nasir (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dr Sukadiono sambil diperhatikan Ainol Haryati (kiri) serta Drs Mas'ulah pada **Majlis Pemeteraian MoU antara UMP dan UMSurabaya, Gambang.**

## UMSurabaya rakan baharu UMP

**Gambang:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Muhammadiyah Surabaya (UMSurabaya) menjalinkan kerjasama dalam bidang pembangunan mahasiswa, akademik dan penyelidikan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata jalinan kerjasama dengan UMSurabaya mampu menambah nilai kepada pembangunan bidang kejuruteraan, sains dan teknologi yang menjadi fokus universiti teknikal itu.

"Jalinan kerjasama ini bermula dengan tinjau-

an pelaksanaan modul Kuliah Kerja Nyata oleh sekumpulan mahasiswa UMP ke Surabaya pada hujung tahun lalu ketika menjayakan program Kembara Ilmu Surabaya.

### **Inisiatif penyelidikan**

"Program mobiliti dan pertukaran pelajar ini akan diteruskan selain turut mempertimbangkan inisiatif lain merangkumi kerjasama penyelidikan dan akademik," katanya ketika berucap pada Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan

UMSurabaya, di sini.

Prof Daing Nasir mewakili UMP menandatangani MoU itu sementara UMSurabaya diwakili Rektornya, Dr Sukadiono. Yang turut hadir ialah Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Profesor Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim serta Wakil Rektor 3 UMSurabaya, Drs Mas'ulah.

Sementara itu, Dr Sukadiono berkata, jalinan kerjasama itu akan menumpukan kepada pembangunan bidang teknikal termasuk program Teknik Mesin, Teknik Elektro dan Teknik Komputer.